



Semua pengguna terpaksa meredah air yang naik secara tiba-tiba selepas hujan lebat di pekan Rawang, semalam.

## Pekan Rawang dinaiki air

**RAWANG** - Kurang setengah jam hujan, Jalan Maxwel berhampiran projek naik taraf saluran mula dinaiki air sekitar jam 4.30 petang semalam.

Difahamkan hujan lebat itu turut mengakibatkan deretan kedai di kawasan itu dinaiki air.

Air naik kurang 0.3 meter, namun mulai surut kira-kira 15 minit kemudian.

Situasi tersebut adalah perkara yang terpaksa dilalui penduduk Rawang sehingga projek naik taraf saluran yang sedang dijalankan selesai.



Ada kenderaan yang tenggelam selepas pekan Rawang dinaiki air sedalam 0.3 meter, petang semalam.